

Perkeso bantu 13,483 pesakit buah pinggang

KUALA LUMPUR 13 Nov. - Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) telah menyediakan kemudahan hemodialisis kepada 13,483 pencarumnya yang menghidap penyakit buah pinggang, melibatkan perbelanjaan sebanyak RM126.7 juta.

Pengurus Besar Cawangan Perubatan dan Pemulihan Perkeso, Dr. Nik Amsharija Mohamad berkata, kira-kira 71 peratus penerima terlibat adalah mereka yang berusia antara 41 hingga 60 tahun.

“Kemudahan rawatan hemodialisis ini adalah sebagai salah

satu faedah pemulihan kepada orang berinsurans yang diberikan secara percuma di pusat dialisis panel Perkeso sama ada di bawah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau pusat dialisis swasta.

“Kemudahan ini juga termasuk membiayai orang berinsurans yang ingin menjalani rawatan hemodialisis di pusat dialisis bukan panel Perkeso dan hospital kerajaan tertakluk kepada terma dan syarat-syarat ditentukan,” katanya ketika Mesyuarat Dialisis Tahunan kali ke-13 di sini hari ini.